

Penghantaran komando

KUALA LUMPUR 13 Ogos — Malaysia akan mengkategorikan penghantaran komando Amerika Syarikat (AS) ke negara ini untuk tujuan 'menangkap atau membunuh orang yang disyaki pemimpin al-Qaeda' se-

andainya berlaku, sebagai pencerobohan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mempunyai cara tertentu untuk menangani sebarang pencerobohan daripada mana-mana negara.

"Kita akan anggap kalau datang ke Malaysia itu sebagai pencerobohan. Kita ada cara untuk menangani sebarang pencerobohan daripada mana-mana negara sekali pun," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Uni-

AS dikategori satu pencerobohan

versiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di Setapak dekat sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas laporan akhbar *New York Times* semalam bahawa AS bercadang menghantar komandonya ke mana-mana negara untuk

menangkap atau membunuh pemimpin al-Qaeda yang disyaki berada di negara berkenaan.

Menurut laporan itu, dalam menjayakan rancangan tersebut, Washington tidak perlu memberitahu negara tempat ting-

gal bakal mangsanya mengenai operasi berkenaan.

Ini bermakna AS akan bertindak sendirian membunuh sesiapa sahaja yang dianggap pemimpin al-Qaeda atau pengganas Islam di mana-mana negara di seluruh dunia.

Rancangan itu diilhamkan oleh Setiausaha Pertahanan AS, Donald Rumsfeld dan perbincangan serta laporan mengenai nainya sudah disiapkan. Mereka hanya perlu mendapat kelulusan Presiden George W. Bush.